


BULETIN Geospatial *Negeri Perak*

Edisi 1/2012



Menarik di dalam :

- Kronologi Geospatial Negeri Perak
- Unit PerakGIS Negeri Perak
- Jawatankuasa Teknikal Geospatial Negeri Perak
- WebGIS Property MBI

...go beyond map



UNIT PerakGIS NEGERI PERAK



Globe

Melambangkan halatuju PerakGIS ke arah antarabangsa.

Peta Perak (kuning)

Negeri Perak dipacu oleh Unit PerakGIS sebagai *Perak State Geospatial Data Centre* dengan disokong seluruh *custodianship* data.



MATLAMAT

Menjadikan PerakGIS sebagai sebuah pusat perkhidmatan bagi pangkalan data GIS yang utama di dalam Negeri Perak. Pangkalan data PerakGIS diolah dan dimanipulasi bagi menggambarkan senario perancangan di peringkat Negeri dan juga di peringkat tempatan.



OBJEKTIF

- Menjadi sumber rujukan utama maklumat mengenai data geospasial bagi Negeri Perak;
- Mengumpul dan membekal maklumat utama untuk jabatan-jabatan kerajaan dan agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Perak;
- Membentuk dan membangunkan pangkalan data melalui perisian *open source*;
- Mengumpul dan membekal maklumat-maklumat spatial dan atribut; dan
- Menganalisa dan membantu membuat keputusan menggunakan teknik MCDM.



SKOP

- Merekabentuk dan membangunkan pangkalan data PerakGIS berdasarkan pengumpulan maklumat dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (JPBD) yang telah mempunyai data fundamental;
- Data-data yang dibekalkan oleh pihak JPBD akan dikemaskini oleh pelbagai agensi mengikut format metadata PerakGIS;
- Membangunkan aplikasi GIS berdasarkan keperluan EXCO, pelbagai jawatankuasa mengikut sektoral, agensi - agensi perancangan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga maklumat-maklumat yang terdapat dalam pangkalan data; dan
- Membantu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan/ Agensi Kerajaan di peringkat Negeri, Daerah dan Tempatan dalam perihal pengumpulan dan pengemaskinian data dan pengendalian sistem.

EDITORIAL

Penasihat

Y. Bhg. Dato' DR Dolbani Bin Mijan
Pengarah
Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan

Ketua Editor

En. Izham Bin Barahim

Editor

Pn. Nur Aznim Binti Mohamed Azizi
Cik Aladawiah Binti Abdul Latif
En. Mohd Hafiz Bin Mohd Ghazali

KANDUNGAN

2 : Kronologi Geospasial Negeri Perak
3 : Unit PerakGIS Negeri Perak
4 : Jawatankuasa Teknikal Geospasial Negeri Perak
4 : WebGIS Property MBI

SEKAPUR SIREH

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Unit PerakGIS Negeri Perak dapat merealisasikan penerbitan Buletin Geospasial Negeri Perak bagi Edisi sulung Bil.1/2012.

Terbitan dalam bentuk Buletin ini adalah bagi memberi publisiti kepada pembaca khususnya berkaitan perancangan dan pembangunan Geospasial di Peringkat Negeri Perak. Edisi pertama ini merupakan setapak lagi kemajuan Unit PerakGIS dalam merealisasikan pembangunan *State Geospatial Data Centre* (SGDC) Perak.

Pembaca akan disajikan dengan info berkaitan Kronologi Geospasial Negeri Perak, Unit PerakGIS Negeri Perak, Jawatankuasa Teknikal Geospasial Negeri Perak dan Aplikasi *WebGIS Property* MBI. Info yang dikongsikan ini merupakan sebahagian dokumentasi penting yang menjadi pengukur kepada tahap GIS di Negeri Perak.


Adalah menjadi harapan Unit PerakGIS agar dengan terbitnya buletin ini, semua pihak dapat mengambil pelbagai manfaat dan ilmu dari maklumat yang dipaparkan seterusnya dapat menyumbang secara berterusan ke arah bidang Geospasial.

Dato' DR Dolbani Bin Mijan
Pengarah
Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan


KRONOLOGI GEOSPATIAL NEGERI PERAK



AKTIVITI UNIT PerakGIS



JAWATANKUASA TEKNIKAL GEOSPATIAL NEGERI PERAK



Sumber: <http://www.mygeoportal.gov.my/ms/203.aspx>

Kuasa dan bidang tugas



Melaksanakan dan memantau polisi dan standard yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Geospasial Negeri Perak;



Memastikan *clearing house* GIS digunakan oleh semua agensi di bawahnya;



Merancang penyediaan, pengemaskinian, pembangunan dan penyiaran data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui GIS di Negeri Perak;



Merancang keperluan kewangan, tenaga manusia serta teknologi bagi aktiviti GIS Negeri Perak; dan



Memantau pelaksanaan dan operasi aplikasi GIS

APLIKASI WEBGIS PROPERTY MBI




WebGIS for Property MBI adalah hasil daripada kerjasama di antara PerakGIS dan MBI yang bermula dari bulan Julai 2012 dan telah siap versi pertama pada awal Oktober 2012.

Aplikasi ini dapat membantu pihak MBI dalam menentukan nilai hartanah mengikut keluasan lot. Selain itu, maklumat seperti nombor lot, pemilik dan keluasan setiap lot boleh di paparkan dengan menggunakan *Search Module*.

Versi kedua dijangka akan disiapkan pada akhir Oktober 2012 di mana *Search Module* dan *Spatial Analysis Tools* akan diperluaskan dengan penambahan maklumat-maklumat atribut yang lain.

HUBUNGI KAMI



UNIT PerakGIS NEGERI PERAK
TINGKAT 9,
PERAK TECHNO TRADE CENTER (PTTC),
OFF JALAN JELAPANG,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.



05- 526 2581



05- 526 4908



www.perakgis.my